

**TEKS PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PERASMIAN KURSUS TEKNOLOGI
PERTANIAN PINTAR SEKTOR TANAMAN
'SMART FARMING' SERTA
MENYAKSIKAN MAJLIS**

**MENANDATANGANI MEMORANDUM
KERJASAMA ANTARA KOPERASI NANAS
BERHAD (KONAS) DAN PERTUBUHAN
PELADANG KAWASAN KUALA LANGAT
(PPKL)**

28 DISEMBER 2022 (RABU)

**8:00 PAGI – 4:00 PETANG
AUDITORIUM ANGKASA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Koperasi dan
Salam Perpaduan

Terima kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUS SETIA]

Dato-Dato/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan yang dihormati
sekalian

1. Terlebih dahulu saya menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat bersama-sama dalam majlis Perasmian Kursus Teknologi Pertanian Pintar Sektor

Tanaman 'Smart Farming' dan Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama Antara Koperasi Nanas Berhad (KONAS) dan Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat (PPKL).

2. Terima kasih kepada KONAS kerana sudi menjemput saya bagi

merasmikan majlis ini. Syabas dan tahniah kepada KONAS dan PPKKL kerana komited melaksanakan program pengembangan teknologi pertanian terkini kepada golongan sasaran bagi merancakkan lagi industri agromakanan negara.

Hadirin Sekalian

3. ANGKASA menyambut baik usaha kerjasama dilaksanakan KONAS dan PPKKL dalam usaha meningkatkan kemahiran dan teknologi pertanian pintar 'smart farming' dalam kalangan koperasi dan anggota-anggota koperasi.

4. Usaha ini selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 yang memberi penekanan khusus terhadap pemodenan dan pertanian pintar yang merupakan aspirasi utama yang perlu dicapai menjelang 2030.

5. Untuk makluman, sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran

Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus kepada RM51.3 bilion pada tahun 2021 berbanding RM28.3 bilion pada tahun 2011.

6. Penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan

kualiti serta kuantiti hasil tanaman seterusnya dapat meningkatkan produktiviti secara keseluruhan.

7. Hasil pertanian juga dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi pertanian pintar seperti *precision farming*, internet kebendaan (*internet*

of things, IOT), data raya (*big data*), kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI), blok rantai (*blockchain*) serta dron bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja.

Hadirin Sekalian

8. Bagi meningkatkan tahap penggunaan teknologi, ANGKASA akan terus melipatgandakan usaha untuk menarik penyertaan lebih ramai koperasi dan anggota koperasi sebagai pengeluar makanan dan penyedia perkhidmatan teknologi.

9. Selain itu, penumpuan juga akan diberi kepada peningkatan jaringan dengan agensi-agensi dan pakar-pakar teknologi pertanian bagi pemindahan teknologi kepada anggota koperasi dan koperasi pertanian serta menyediakan persekitaran kondusif untuk penerimaan teknologi melalui kemudahan

kewangan, pendigitalan produk serta penyediaan akses pasaran secara e-dagang.

10. Selain itu, usaha memacu modenisasi dalam agromakanan adalah selari dengan aspirasi nasional ke arah merevolusikan Industri 4.0 dalam sektor ekonomi negara.

11. Justeru itu, saya berharap agar semua peserta dapat mengambil peluang untuk menambah ilmu dan mendapatkan maklumat yang bermanfaat daripada penganjuran program ini.

12. Saya juga berharap agar lebih banyak program sebegini dapat

dianjurkan bagi membantu negara dalam menghasilkan makanan yang cukup, berkualiti dan selamat dimakan, malahan boleh dieksport ke seluruh dunia agar Malaysia menjadi antara negara pengeluar pertanian yang utama disegani dan dihormati.

13. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang berkolaborasi menjayakan program ini, atas usaha sama yang sangat baik demi memberi manfaat kepada semua koperasi dan anggota-anggota koperasi.

14. Akhir kata, sekali lagi tahniah dan syabas kepada KONAS dan PPKKL atas penganjuran program ini. Kepada semua peserta yang hadir, saya ucapkan selamat berkursus.

Untuk itu, saya dengan sukacitanya, merasmikan **KURSUS TEKNOLOGI**

PERTANIAN PINTAR SEKTOR TANAMAN SMART FARMING.

Sekian, terima kasih.